



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 26 JANUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BIOKERJAYA @ MY FUTURE AGRO LAHIR TENAGA KERJA MAHIR, GAYA KAMPUS, UM -28	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	FOOD TRADERS FORCED TO INCREASE PRICES AFTER HIKE IN COST OF RAW INGREDIENTS, NEWS, THE STAR -2	LAIN-LAIN
3.	'SIR LADANG' SHOWS ROUTINE AND POTENTIAL OF CATTLE BREEDING ON APP, EVENTS, THE STAR -6	
4.	KOS MENINGKAT, BUAH HARUMANIS NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -14	
5.	BERBARIS SEJAM LEBIH AWAL JAYAKAN PIKM, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PROGRAM ini dijangka menyumbang kepada bekalan makanan negara dan peningkatan produktiviti.

Biokerjaya @ My Future Agro lahir tenaga kerja mahir

PROGRAM Biokerjaya @ My Future Agro menjadi salah satu aspirasi kerajaan dalam melahirkan tenaga kerja mahir terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, program berkenaan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan berkemahiran sekaligus membuka laluan kepada rakyat meraih pendapat lebih stabil serta melabur dalam pemakanan, kesihatan dan pendidikan yang lebih baik.

Katanya dalam jangka panjang program itu dijangka berupaya mewujudkan tenaga kerja mahir dan berpengalaman dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan berkualiti terutamanya semasa krisis seperti pandemik Covid-19.

"Ia bukan sahaja menyumbang kepada bekalan makanan negara tetapi turut meningkatkan produktiviti, prestasi ekonomi dan kesejahteraan bersama," katanya pada pelancaran program berkenaan baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak.

Biokerjaya @ My Future Agro merupakan inisiatif dilaksanakan Bioeconomy Corporation di bawah MAFI yang memfokus

“

Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja menyumbang kepada bekalan makanan negara malah menyumbang kepada peningkatan produktiviti..."

kepada pembangunan modal insan. Antara lain ia bertujuan merancakkan dan melindungi sektor agromakanan daripada impak pandemik.

Sementara itu, Mohd Khairul memaklumkan syarikat yang bekerjasama dalam program itu bukan sahaja mampu meneruskan pengambilan pekerja malah dapat mengukuhkan tenaga kerja dengan menggaji dan memberikan latihan kepada peserta.

Dianggarkan seramai 2,958 pencari kerja berdaftar dengan portal Biokerjaya @ My Future Agro yang juga program inisiatif Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan di bawah PENJANA sepanjang tahun lalu.

MELAKA

Food traders forced to increase prices after hike in cost of raw ingredients

HAWKERS in Melaka say they have no choice but to increase their food prices following the rising cost of raw ingredients.

Julaiha Baharin, 42, said she had to raise the price of her dishes recently as the price of fish such as *mabong*, *kembong* and *stakap* had surged.

She operates a stall in a shopping centre's food court in Dataran Pahlawan, Bandar Hilir.

Julaiha said the increase of between RM2 and RM3 was to cover the operating costs of her business, such as a monthly rent of RM1,600 apart from water, electricity and gas.

"I have no choice since the prices of raw ingredients such as fish have almost doubled.

"For example, the price of *mabong* was RM12 per kg but now

it is RM22.

"So I have to increase the price of my *asam pedas* dish from RM10 to RM12," she said.

Mixed rice stall operator Fuzni Azmi, 46, said the increase in price at her eatery in Jalan Plaza Mahkota involved chicken and fish dishes.

She has been trading at the tourist hotspot for over 10 years.

"We traders are stuck when the price of raw materials go up, because we cannot increase our food prices at will."

"Apart from losing our customers, the authorities will fine us if we do," she pointed out.

She hoped the government would continue to control the price of raw ingredients.

Ismail Jamaldin, 40, from Klebang said hawkers should not

be blamed for raising their prices. "Several parties are involved in the supply chain of raw ingredients.

"Those who go to the market will notice the sharp rise in items such as fish, chicken, vegetables and eggs.

"Consumers also have a choice to not buy food at high prices and to cook at home to save money," said the private sector employee. Trishaw rider Nas Harry, 53, said the increase in food price affected people like him the most as he has to eat out most times.

"The tourism industry in Melaka is still weak currently and not many people are taking trishaw rides.

"There were days when I had no income at all," he said.

— Bernama

The prices of fish and other raw ingredients have surged, leading to hawkers in Melaka increasing their food prices. — Filepic



'Sir Ladang' shows routine and potential of cattle breeding on app

SOCIAL media is not only a platform for people to showcase talent and creativity, it can also be used to spark interest in alternative careers.

It is through TikTok — an app for making and sharing short videos — that Ridzuan Khalid, 39, a lecturer in hospitality at Rompin Community College, shares his daily activities, especially after venturing into cattle breeding in Felda Bukit Kepayang, Bera in Pahang since March last year.

His videos not only gained the attention of his students, but also that of other TikTok users, thus opening the eyes of the public, especially youths, to what is deemed an unglamorous career.

"Initially, the account was opened to evaluate my students' assignments on entrepreneurship, especially on their ability to project themselves.

"I use the same approach by uploading videos of my daily activities on the farm, so that they can use them as a reference," he told Bernama.

He said viewers' response was "very positive", especially from young people, with some asking how to become a livestock breeder.

"What I'm doing is to educate and inspire them to venture into the field of animal husbandry. "Don't be shy. This field has a very bright future with a big market," said Ridzuan, who has nearly 37,000 followers on TikTok.

Ridzuan, also known as 'Sir Ladang' among his followers, chose to venture into livestock farming after realising the industry's potential as a means to boost his income.

He said it was also to appreciate the sacrifice of his younger brother, Hanafi Khalid, 35, who decided to return to their village to take care of their parents.

"We started with a capital of RM10,000, which was used to buy three cows and build the cowshed.

"After seeing the potential,

I decided to invest my savings by buying 12 more cows. We plan to have up to 30 cows this year."

"For now, we are at the learning phase of breeding cows but have started accepting orders for cows for this year's Hari Raya Aidiladha sacrificial rite," he said, adding that he would be at the farm after his lecturing work daily and on weekends.

Ridzuan said he and his brother had no background or knowledge in livestock farming when they ventured into it, but got help from experienced cattle farmers in the village. They also sought advice from the Veterinary Services Department.

"Work in this field is very challenging, especially for those of us who have zero knowledge.

"So we need to find experienced cattle breeders. Watching videos on how to operate and manage the farm is also very useful," he added.

Ridzuan, who is the fifth child among nine siblings, said that despite having a stable job as a lecturer, working on the farm had given him a different kind of satisfaction.

"When teaching, the satisfaction


is seeing my students succeed. The joy of being with nature is different.

"It takes away all the stress of working in the city. It is like therapy," he said.

On his plans, Ridzuan said he

hoped to pursue a doctorate degree in hospitality and tourism next year.

He also plans to expand his business by becoming a beef supplier in the next five years and cultivating a vegetable farm. — Bernama



Ridzuan, who is also a lecturer, shares his venture into cattle breeding via social media.

— Bernama



PENGUSAHA harumanis, Norizham Abdullah memetik tangkal bunga harumanis yang kering bagi menggalakkan tunas bunga kembali bercambah di Kampung Behor Inal, Kangar, Perlis semalam.

Kenaikan sekitar RM2 bagi setiap sekilogram

Kos meningkat, buah harumanis naik harga

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

KANGAR – Harga jualan mangga harumanis premium pada tahun ini dijangka mencatatkan peningkatan berbanding tahun lalu berikutan kenaikan harga input pertanian bagi buah berkenaan.

Pengerusi Persatuan Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, kenaikan input pertanian seperti baja, racun dan bahan penggalak bagaimanapun hanya memberi kesan kenaikan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram (kg) terhadap harga jualan mangga tersebut.

"Biasanya harga jualan sekotak 3kg harumanis premium gred A adalah sekitar RM100 hingga RM135 termasuk kos penghantaran dan harga pada tahun ini dijangka naik tidak melebihi RM5.

"Kenaikan input pertanian tersebut sekiranya dibahagikan dengan pengeluaran buah dalam unit kilogram, ia tidaklah memberi kesan kenaikan harga yang terlalu tinggi," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Tambahnya, penjagaan harumanis yang memerlukan pemerhatian teliti sepanjang 12 bulan serta kos penyelenggaraan lain turut diambil kira bagi kenaikan harga jualan pada tahun ini.

"Buah harumanis berged premium biasanya mempunyai berat sekitar 300 hingga 450 gram sebijinya, kulit cantik serta rasa yang manis serta aroma yang harum.

"Telah menjadi amalan pengusaha harumanis komersial dan semi komersial di Perlis agar harga jualan mangga itu ditetapkan mengikut kesesuaian dan kemampuan pengguna," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Koperasi Pengusaha Harumanis Y.A. Mohd. Asri Yusoff mengakui, kenaikan harga input pertanian memberi sedikit kenaikan kepada harga jualan buah berkenaan.

"Kenaikan harga racun rumput sehingga lebih 100 peratus dan racun serangga antara 20 hingga 50 peratus mempengaruhi kenaikan harga harumanis sekitar 5 hingga 10 peratus berbanding tahun lalu.

"Kami telah melakukan beberapa perbincangan mengenai faktor-faktor tersebut dan akan memaklumkan perkara tersebut kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bagi memutuskan harga jualan rasmi seperti amalan biasa setiap tahun," katanya.

Menurut beliau, koperasi tersebut mempunyai kira-kira 158 ahli dan menjalankan aktiviti pembelian daripada pengusaha serta jualan harum manis Perlis secara komersial setiap tahun.

"Harga jualan bagi sekotak 3kg harumanis gred A termasuk kos penghantaran sebelum ini adalah RM125 hingga RM135, gred B (RM100-RM125), gred C (RM85-RM100), manakala gred D dijual pada harga RM15 sekilogram diborong di pusat pengumpulan koperasi di Chuping.

"Sebenarnya indeks buah mangga yang ditulai adalah penting untuk memberikan rasa dan aroma sebenar selain saiz atau berat dan keadaan kulit yang cantik," jelasnya.

26 JAN, 2022

Berbaris sejam lebih awal jayakan PJKM

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Berbaris sejam lebih awal jayakan PJKM

Orang ramai sambut baik program yang meringankan beban kos sara hidup rakyat

Oleh Mohamad Achil Norrlatep

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) mendapat sambutan hangat daripada pengguna di sekitar Mukah apabila mereka sanggup berbaris sejak sejam lebih awal sebelum program bermula.

Program dua hari bermula kelmarin itu berlangsung selama empat jam iaitu mulai jam 10 pagi hingga 2 petang di pekarangan kawasan parkir Pasaraya Gafu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak terangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib berkata, rata-rata pengguna menyambut baik dan meminta PJKM dilaksanakan secara berkala dan mengikui harga barang-barang yang dijual dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam situasi kenaikan harga barang semasa.

"Penduduk di Mukah harus turut sama menikmati barang-barang yang ditawarkan dengan harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat," katanya menerusi kenyataan media di sini.

PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barang keperluan harian dengan harga berpatutan yang lebih



SAMBUTAN HANGAT: Salihin (kanan) dan Rosli (dua kanan) ketika membuat tinjauan ke atas barang yang dijual ketika PJKM di Mukah, semalam.

murah, antaranya, ayam, ikan, telur, sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barang keperluan rumah terpilih.

Justeru, Hanifah menggalakkan orang ramai di kawasan parlimen berkenaan merebut peluang ini dalam merancang pembelian keperluan rumah dan seterusnya

berjimat menerusi tawaran diberikan.

Beliau turut mengingatkan peniaga agar sentiasa bereтика meniatuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan.

Kerajaan katanya, menyeru agar rakyat bersabar dan tetap terus bersama dalam waktu sukar luar biasa ini yang turut

melandu dunia dan memberi kesan kepada rantauan bekalan global dan negara.

Tambah beliau lagi, pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa

“ Penduduk di Mukah harus turut sama menikmati barang-barang yang ditawarkan dengan harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat. ”

Dato Hanifah Hajar Taib
Ahli Parlimen Mukah

stabil dan mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai.

PJKM Parlimen Mukah dijayakan dengan kerjasama KPDNHEP serta agensi-agensi lain dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKM), serta rakan strategik Pasaraya Gafu.

Turut hadir Pegawai Khas Pusat Khidmat Parlimen Mukah Rosli Sopok mewakilkan Hanifah, Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Salihin Den dan ketua-ketua jabatan.



26 JAN, 2022

Berbaris sejam lebih awal jayakan PJKM

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Orang ramai sambut baik program yang meringankan beban kos sara hidup rakyat

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) mendapat sambutan hangat daripada pengguna di sekitar Mukah apabila mereka sanggup berbaris sejak lebih awal sebelum program bermula. Program dua hari bermula kelmarin itu berlangsung selama empat jam iaitu mulai jam 10 pagi hingga 2 petang di pekarangan kawasan parkir Pasaraya Gafu.